

25/10/1997

Penulis nafi silap petik ayat Quran

KUALA LUMPUR, Jumaat - Penulis buku politik, Ahmad Lutfi Othman, menafikan wujud kesilapan petikan ayat al-Quran dan hadis serta terjemahan yang tidak lengkap dalam buku tulisannya, Mufti Lawan Mahathir dan Anwar Terjerat.

Beliau berkata, petikan dan terjemahan berkenaan diambil sepenuhnya daripada kertas kerja yang dibentangkan oleh mufti sebuah negeri di majlis yang diadakan pada penghujung Jun lalu.

Beliau berkata demikian kepada Berita Harian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan Mufti Perlis, Datuk Mat Jaya Husin kelmarin, bahawa kedua-dua buku itu tidak bermanfaat dan wujud beberapa kesilapan fakta.

Sebelum itu, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim mengarahkan penubuhan jawatankuasa khas membabitkan Mat Jaya; Dr Arshad Taib; Pengarah Jabatan Agama Islam Perlis, Mohd Sukri Hussain; Fatah Yassin Mohd Said; Abdul Malik Hussain; Ghazali Montak; Nizamuddin Zakaria dan Hashim Othman bagi mengkaji kedua-dua buku itu.

Beliau kesal dengan kritikan itu dan terkilan kerana tidak diberi peluang memperbetulkan kesilapan (jika ada) sekiranya pihak berkenaan ikhlas membuat teguran.

"Kesilapan itu mungkin ada... biasanya dalam proses percetakan, berlaku kesilapan di sana sini. Namun, jika saya bersalah, mengapa tidak hantarkan surat atau panggil saya secara peribadi. Mengapa pula sampai ditubuhkan jawatankuasa khas?."

"Saya penulis buku politik bukannya buku ilmiah agama yang memerlukan kajian mendalam sampai hendak ditubuhkan jawatankuasa khas apabila wujud fakta yang mencurigakan."

"Seingat saya, belum pernah ditubuhkan jawatankuasa khas hanya untuk menilai dan mengkaji buku politik," katanya.

Bagaimanapun, Ahmad Lutfi yakin kedua-dua buku itu tidak akan diharamkan hanya kerana dakwaan itu.

Katanya, beliau pernah membuat tulisan yang lebih pedas sebelum ini tetapi buku berkenaan tidak pula diharamkan.

"Saya tidak menulis sesuka hati atau sengaja mahu menjatuhkan seseorang ataupun membuat ramalan politik melulu tetapi menganalisis suasana politik bagi menegakkan keadilan," katanya.

(END)